



مجلس دائره كوالا پيلاه
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

TAWARAN SEBUT HARGA

Tarikh: 28 Jun 2024

Tawaran adalah dibuka kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred G1 di bawah tajuk yang bersesuaian dan berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah Tahun 2024 bagi menyertai sebutharga bagi kerja-kerja di bawah:-

Bil	Rujukan MDKP	No. Sebut harga	Projek	Gred & Pengkhususan	Tarikh Tutup /Jam	Harga Dokumen
1.	MDKP.NS.04. 400-7/2024 -055	S018/2024	PENYELENGGARAAN TAMAN-TAMAN AWAM DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2024 BAGI MAJLIS DAERAH KUALA PILAH	GRED G1 Kategori : LANDSKAP Pengkhususan CE14 dan CE21	15 Julai (Jumaat) 2024 @ 12.00 t/hari	RM 50.00

2.0 Lawatan Tapak:

Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah sahaja layak menyertai lawatan tapak / taklimat :

Tarikh : 4 hb Julai 2024 (Khamis)
Pendaftaran : 9.00 pagi -10.00 pagi
Tempat : Dewan Bandaran MDKP
Taklimat : 10.00 pagi

3.0 Syarat:

- 3.1 Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) sahaja layak menyertai sebutharga. Semakan pendaftaran perlu dilaksanakan sebelum pembelian Borang Sebutharga.
- 3.2 Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **PEMILIK** syarikat/ kontraktor yang hadir untuk sesi pendaftaran pada tarikh yang telah ditetapkan. **HANYA PEMILIK SYARIKAT** sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi pendaftaran tersebut dan wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN**

- 3.3 Hendaklah membawa sijil-sijil asal SSM, CIDB dan PKK semasa lawatan tapak dan dipamerkan ketika pembelian borang di kaunter MDKP.
- 3.4 Hendaklah membawa cop syarikat bagi memudahkan pengisian borang.
- 3.5 Permohonan Kebenaran Khas untuk menyertai sebut harga di luar kod bidang adalah tidak dibenarkan
- 3.6 **PEMALSUAN BUTIRAN** di dalam Borang Pendaftaran dan Dokumen Berkaitan seperti SPKK (CIDB),PKK (CIDB),STB (BPKU) dan lain-lain dokumen yang berkaitan adalah **TIDAK LAYAK /TERBATAL** dan laporan kepada CIDB akan dibuat untuk tindakan undang-undang.
- 3.7 Dokumen Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Majlis Daerah Kuala Pilah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan,kelewatan dan MDKP tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran.

4.0. **Dokumen Sebutharga**

- 4.1 **Harga dokumen sebutharga bagi Gred G1 dijual dengan kadar: RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja).**
- 4.2 Dokumen sebutharga boleh dibeli di Kaunter Hasil, MDKP mulai **4hb Julai 2024 (Khamis) sehingga 12hb Julai 2024 (Jumaat)** pada pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

5.0. **Tarikh Tutup:**

15hb Julai 2024 (Isnin) jam 12.00 tengah hari. Sebutharga hendaklah disertai dengan salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan SSM yang masih sah, serta dimasukkan ke dalam peti tender Majlis Daerah Kuala Pilah.

- 6.0 Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah atau mana-mana sebutharga yang berpatutan.
- 7.0 Kerjasama dan penyertaan tuan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(NAWAL BINTI MOHAMED AMIN)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Pilah

- s.k
1. Pegawai Daerah Kuala Pilah
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah
Kompleks Pentadbiran Daerah
72000 Kuala Pilah
 2. Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Kuala Pilah
Kompleks Pentadbiran Daerah
72000 Kuala Pilah
 3. Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Pilah
Kompleks Pentadbiran Daerah
72000 Kuala Pilah
 4. Pengurus Daerah
Syarikat Air Negeri Sembilan
72000 Kuala Pilah
 5. Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Daerah Kuala Pilah